PP lwn. SHAKIB ABU BAKAR BENAFEE

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[SEMAKAN JENAYAH NO: JA-43-11-03-2024]
29 APRIL 2024

Abstrak – *Dalam hal keadaan ketidakhadiran tertuduh, seorang Majistret mestilah melaksanakan budi bicara kehakiman beliau dan terlebih dahulu memeriksa keseluruhan fakta kes sebelum membenarkan permohonan waran tangkap dikeluarkan terhadap seorang tertuduh. Keputusan Majistret tidak boleh berpandukan dakwaan-dakwaan pegawai penyiasat sahaja; alternatif-alternatif lain mesti dipertimbangkan demi memastikan kehadiran tertuduh, seperti menghubunginya secara langsung. Waran tangkap, yang mempunyai kesan menyekat kebebasan seseorang, harus dikeluarkan dengan penuh hati-hati.*

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Waran tangkap – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Majistret – Pemohon tidak dapat hadir ke mahkamah kerana menjalankan rawatan di luar negara – Pegawai penyiasat memohon waran tangkap terhadap pemohon – Majistret membenarkan permohonan pegawai penyiasat – Sama ada surat permintaan waran atau saman mematuhi kehendak undang-undang – Sama ada Majistret mematuhi kehendak undang-undang apabila membenarkan permohonan waran tangkap atas pemohon – Kanun Tatacara Jenayah, s. 323(1)*

Pihak polis telah menerima panggilan daripada orang awam tentang satu pergaduhan. Siasatan dijalankan atas pemohon oleh pegawai penyiasat bawah ss. 352, 427 dan 506 Kanun Keseksaan ('KK'). Usai siasatan polis, sementara menunggu arahan pihak pendakwaan, pemohon diberi jaminan polis. Pegawai penyiasat memaklumkan pada pemohon untuk hadir ke Mahkamah Majistret pada 1 Februari 2024 untuk menghadapi pertuduhan kesalahan bawah ss. 352, 427 dan 506 KK. Pemohon memaklumkan pegawai penyiasat bahawa dia berada di Jakarta, Indonesia untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Pegawai penyiasat, walau bagaimanapun, masih meneruskan niat untuk menuduh pemohon di mahkamah pada 1 Februari 2024. Semasa sebutan kes pada tarikh tersebut, peguam pemohon memaklumkan Mahkamah Majistret tentang ketidakhadiran pemohon atas sebab rawatan kesihatan di Jakarta. Pihak pendakwaan, yang menyedari bahawa ketidakhadiran pemohon bukanlah disengajakan, memohon penangguhan. Majistret tidak membenarkan penangguhan dan memerintahkan pemohon dilepaskan tanpa dibebaskan (dismissal not amounting to acquittal ('DNAA')). Pegawai penyiasat telah menulis surat pada Pengarah Mahkamah Negeri Johor tentang niatnya untuk mendapatkan waran tangkap

terhadap pemohon ('waran tangkap bertarikh 12 Februari 2024'). Surat permintaan waran atau saman ('lampiran 1') ditandatangani Penolong Pendaftar. Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Rendah, yang bertindak sebagai Majistret *ex officio* Majistret Kelas Pertama bawah Jadual Keempat s. 77(1) Akta Mahkamah Rendah 1948, mendengar surat permintaan waran atau saman dengan kehadiran pegawai penyiasat. Berikutan itu, waran tangkap atas pemohon dikeluarkan dan ditandatangani oleh Majistret tersebut. Waran tangkap difailkan dalam Case Management System (CMS) mahkamah pada 15 Februari 2024. Pemohon berjaya ditangkap pada 18 Februari 2024 dan, esoknya, dihadapkan ke Mahkamah Majistret untuk pertuduhan bawah ss. 352, 427 dan 506 KK. Semasa sebutan, pemohon tidak mengaku salah atas semua pertuduhan dan dibenarkan jaminan sebanyak RM12,000 dan seorang penjamin. Pemohon turut meminta agar waran tangkap bertarikh 12 Februari 2024 dibatalkan. Walaupun waran tangkap bertarikh 12 Februari 2024 sudah menjadi akademik kerana telah dilaksanakan, permohonan pemohon untuk membatalkannya dibenarkan. Maka timbul permohonan semakan ini, bawah s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'), yang memfokuskan pada isu-isu berikut: (i) sama ada surat permintaan waran atau saman yang ditandatangani oleh Penolong Pendaftar bertarikh 12 Februari 2024 mematuhi kehendak undang-undang; dan (ii) sama ada Majistret, dalam membenarkan permohonan waran tangkap terhadap pemohon pada 15 Februari 2024, telah mematuhi kehendak undang-undang.

Diputuskan (waran tangkap yang dikeluarkan pada 15 Februari 2024 tidak sah dan bercanggah dengan undang-undang; waran tangkap menjadi akademik kerana sudah dilaksanakan):

(1) Semasa Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah menandatangani lampiran 1, beliau tidak menimbangkan merit permohonan pegawai penyiasat untuk memohon waran tangkap terhadap pemohon. Sebagaimana notis usul atau notis permohonan, ini sekadar 'originating process' untuk membolehkan penetapan tarikh pendengaran semata-mata. Tiada apa-apa kecacatan semasa lampiran 1 ditandatangani pada 12 Februari 2024. Permohonan waran tangkap tidak dinyatakan tatacara permohonannya dalam KTJ atau Akta Mahkamah Rendah 1948. Walaupun begitu, secara amalan atau pentadbiran, agensi yang memohon waran tangkap akan memfailkan dokumen-dokumen di lampiran 1 hingga 6 untuk pertimbangan Majistret. (perenggan 35 & 36)

(2) Majistret, semasa menimbangkan lampiran 1, gagal mengambil kira kes di'DNAA' bukan atas kedegilan atau keengganan pemohon untuk menghadirkan diri ke mahkamah. Majistret tidak bertanyakan pada pegawai penyiasat sama ada pihak polis ada menghubungi pemohon untuk membolehkan dia hadir ke mahkamah untuk dituduh semula. Berdasarkan nota keterangan, pegawai penyiasat sekadar menyatakan

pemohon gagal dikesan. Majistret gagal meminta pegawai penyiasat mengemukakan diari siasatan untuk mengetahui tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengesan pemohon. Dalam era IT yang serba canggih ini, pegawai penyiasat sepatutnya tiada masalah untuk menghubungi pemohon untuk hadir ke mahkamah untuk menuduhnya semula selepas kes di'DNAA'. Majistret, semasa menggunakan budi bicara kehakiman beliau dalam membenarkan lampiran 1, gagal meneliti keseluruhan fakta kes; khasnya alasan mengapa waran tangkap dipohon. Majistret seharusnya lebih berhati-hati sebelum membenarkan permohonan waran tangkap atas pemohon. Kesan atau akibat waran tangkap boleh menyekat kebebasan individu yang dijamin bawah per. 5 Perlembagaan Persekutuan. (perenggan 40-42)

Kes-kes yang dirujuk:

Lee Kwan Woh v. PP [2009] 5 CLJ 631 FC ***(dirujuk)***

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***

Nik Mohd Suhaimi Ahmad Ghazali v. Siti Fairuz Shamsuri & Ors [2024] 2 CLJ 591 HC ***(dirujuk)***

Uthayakumar Ponnusamy v. Inspektor Mohamad Fairol Abu Bakar & Anor [2022] 3 CLJ 859 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 38, 51A, 111, 113, 117, 323(1)

Federal Constitution, art. 5

Penal Code, ss. 342, 352, 427, 506

Subordinate Courts Act 1948, ss. 5, 77(1), 107A, Third Schedule item 8, Fourth Schedule

Bagi pihak pemohon - Rosli Kamaruddin & Muhammad Zaim Rosli; T/n Rosli Kamaruddin & Co

Bagi pihak pendakwaan - Mohd Syafiq Mohd Ghazali & Azlan Bohari; TPR

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H:

Pengenalan

[1] Shakib bin Abu Bakar Benafee (pemohon) melalui peguamnya iaitu Tetuan Rosli Kamaruddin & Co memohon semakan di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru di bawah peruntukan s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

[2] Permohonan semakan berkaitan keputusan Puan Majistret, Mahkamah Majistret, Johor Bahru (Puan Majistret itu) bertarikh 15 Februari 2024 yang membenarkan permohonan Pegawai Penyiasat (Insp Gaguri anak Ambau) untuk mengeluarkan waran tangkap ke atas pemohon (perintah tersebut).

A **Latar Pentas Kes**

[3] Secara ringkasnya, fakta kes seperti berikut: L/Kpl Asril Shafiq bin Ahmad yang bertugas di Pusat Kawalan Daerah (DCC), Johor Bahru Selatan pada 25 November 2023 jam lebih kurang 2207 hrs ada menerima panggilan daripada orang awam yang bernama Wan Amirul Hazrif bin Marhalim
B memberitahu ada pergaduhan berlaku di alamat No. 13A-2, The G Place beralamat Jalan Abdullah Tahir, Johor Bahru. L/Kpl Asril telah menjadikan maklumat yang diterima sebagai JBS Report No: 031296/2023.

[4] Mohammad Rafie bin Suleiman merupakan mangsa kejadian yang
C dilaporkan oleh Wan Amirul. Mangsa telah membuat laporan polis sebagaimana JBS Report No: 031302/2023. Pemohon turut membuat laporan polis sebagaimana JBS Report No:031448/2023.

[5] Siasatan dalam kes ini telah dijalankan oleh pegawai penyiasat iaitu Insp Gaguri anak Ambau. Siasatan dijalankan berdasarkan kesalahan di
D bawah s. 352, s. 427 dan s. 506 Kanun Keseksaan (Kanun itu).

[6] Sebagimana lazimnya sebaik siasatan ke atas pemohon diselesaikan sementara menunggu arahan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi tujuan pendakwaan, pemohon telah diberi jaminan polis sebagaimana yang dizahirkan dalam surat jaminan polis (Polis 43) (Pin. 7/94).

E **[7]** Surat jaminan polis telah ditandatangani oleh pemohon dan penjamin iaitu isteri pemohon yang bernama Datin Haiyaa bte Hisyam. Surat jaminan polis meminta pemohon hadir di balai polis/mahkamah* (tidak dipotong salah satu) JB pada tarikh 28 Disember 2023 jam 0800 (atau pun pada tarikh dan jam yang lain yang diberitahu polis kepada saya) kerana penyiasatan ini.

F **[8]** Pada tarikh 28 Disember 2023, sepertimana yang tercatat dalam surat jaminan polis, tidak dapat dipastikan sama ada pemohon ada hadir ke balai polis atau pun tidak.

[9] Pegawai penyiasat telah memaklumkan kepada pemohon untuk hadir
G ke mahkamah pada 1 Februari 2024 bagi menghadapi pertuduhan bagi kesalahan dibawah s. 352, s. 427 dan s. 506 Kanun itu. Pertuduhan telah didaftarkan sebagai Kes Tangkap No: JA-83-265-01-2024.

[10] Pemohon dan isteri pemohon telah memaklumkan pegawai penyiasat ketika itu pemohon masih berada di Jakarta dan mendapat rawatan di Rumah
H Sakit Jantung dan Pembuluh Darah, Pusat Jantung Nasional, Jakarta. Walaupun begitu, pegawai penyiasat masih meneruskan niatnya untuk menuduh pemohon di mahkamah pada tarikh 1 Februari 2024.

[11] Pada tarikh 1 Februari 2024, sebutan kes pemohon di hadapan Majistret dalam kehadiran Hj Rosli iaitu peguam pemohon. Selaku peguam
I pemohon, beliau telah memaklumkan mahkamah ketidakhadiran pemohon

pada hari tersebut. Mahkamah telah diberitahu pemohon berada di Jakarta dan sedang mendapat rawatan di Rumah Sakit Jantung dan Pembuluh Darah, Pusat Jantung Nasional, Jakarta.

[12] TPR yang hadir menyedari ketidakhadiran pemohon bukan disengajakan. Beliau memohon penangguhan bagi membolehkan pemohon hadir ke mahkamah untuk pertuduhan dibacakan. Puan Majistret yang mendengar sebutan kes pemohon tidak membenarkan penangguhan dan memerintahkan kes pemohon di"DNAA". Sebaik kes pemohon di "DNAA", ianya tidak terhenti disitu.

[13] Insp Gaguri anak Ambau melalui suratnya bertarikh 12 Februari 2024 telah menulis surat kepada Pengarah Mahkamah Negeri Johor niatnya memohon untuk mendapatkan waran tangkap ke atas pemohon (lampiran (2)).

[14] Pada 12 Februari 2024, surat permintaan waran atau saman (polis 52) (Pin. 11/81) telah ditandatangani oleh CK Nor Azlinda bt CK Mahmood, Penolong Pendaftar, Mahkamah Majistret, Johor Bahru (lampiran (1)).

[15] Kemudiannya, Puan Nurzihan binti Abdul Rehman, Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Rendah (bertindak sebagai Majistret "*Ex Officio* Majistret Kelas Pertama, Jadual Keempat s. 77(1), Akta Mahkamah Rendah 1948) (Puan Majistret itu) pada 15 Februari 2024 dalam kehadiran Insp Gaguri anak Ambau telah mendengar surat permintaan waran atau saman (lampiran (1)).

[16] Puan Majistret itu setelah mendengar permohonan tersebut dan membenarkan waran tangkap dikeluarkan ke atas pemohon. Waran tangkap ke atas pemohon telah dikeluarkan dan ditandatangani oleh Puan Majistret itu pada hari yang sama. Waran tangkap telah difailkan dalam CMS pada 15 Februari 2024 jam 10:23:09 (lampiran (8)).

[17] Pada 2 Februari 2024 selanjutnya, Insp Gaguri anak Ambau selaku pegawai penyiasat telah mengeluarkan arahan menghadiri penyiasatan di bawah s. 111 Kanun Tatacara Jenayah (Cap. 6) kepada pemohon untuk menghadirkan diri ke Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan pada 14 Februari 2024 jam 0800 pagi (lampiran (4)).

[18] Walaupun waran tangkap telah dikeluarkan pada 15 Februari 2024, pemohon berjaya ditangkap pada 18 Februari 2024 jam 1 pagi. Pada keesokannya, pemohon telah dibawa ke Mahkamah Majistret, Johor Bahru untuk menghadapi pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 352, s. 427 dan s. 506 Kanun itu. Kertas pertuduhan ke atas pemohon telah difailkan dalam CMS dan didaftarkan sebagai Kes Tangkap No: JA-83-424-02-2024.

[19] Puan Shaarmini a/p Arjunan, Majistret telah mendengar sebutan kes pemohon pada 18 Februari 2024 sebaik waran tangkap dapat dilaksanakan dan dibawa ke hadapan mahkamah. Semasa sebutan, pemohon tidak

A mengaku bersalah atas semua pertuduhan. Pemohon dibenarkan jaminan sebanyak RM12,000 dan seorang penjamin. Kes pemohon ditetapkan pada 7 Mac 2024 untuk sebutan bagi tujuan penyerahan dokumen s. 51A KTJ. Peguam pemohon turut meminta waran tangkap yang dikeluarkan pada 12 Februari 2024 dibatalkan. Puan Majistret yang sama telah menyedari waran
B tangkap telah dilaksanakan ke atas pemohon dan ia menjadi akademik. Walaupun begitu, permohonan peguam pemohon untuk membatalkan waran tangkap dibenarkan.

Merit Permohonan Semakan Jenayah

C **[20]** Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah diperturunkan peruntukan s. 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s. 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence
D or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that Subordinate Court.

[21] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu)
E menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided
F for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.
G

[22] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor* (*supra*), mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya.

H **[23]** Hj Rosli bin Kamaruddin yang mewakili pemohon berhujah permohonan semakan di hadapan mahkamah hanya memfokuskan kepada dua isu utama iaitu:

(i) sama ada surat permintaan waran atau saman yang ditandatangani oleh Penolong Pendaftar bertarikh 12 Februari 2024 mematuhi kehendak
I undang-undang?

(ii) sama ada semasa Puan Majistret itu membenarkan permohonan waran tangkap ke atas pemohon pada 15 Februari 2024 mematuhi kehendak undang-undang?

[24] Peguam pemohon secara jujurnya menegaskan pemohon di peringkat semakan ini tidak mempertikaikan keesahan tangkapan yang dilakukan ke atas pemohon pada 18 Februari 2024. Isu ini jika ada sekalipun, akan di hujahkan dalam forum yang lainnya.

Bagi Isu (i) Dan (ii)

[25] Mahkamah ini akan menyentuh isu (i) dan (ii) bersekali kerana ia saling berkaitan antara satu dengan yang lainnya. Peguam pemohon di awal penghujahannya memberi kronologi atau urutan fakta kes bermula dari laporan polis yang dibuat oleh Mohammad Rafie bin Suleiman sehinggalah siasatan dijalankan oleh Insp Gaguri ke atas pemohon. Sementara menunggu pemohon didakwa di mahkamah, pemohon telah dilepaskan dengan menandatangani surat jaminan polis.

[26] Surat jaminan polis mencatatkan pemohon untuk hadir (tidak jelas) sama ada balai polis atau Mahkamah Johor Bahru pada 28 Disember 2023. Pada 1 Februari 2024, pegawai penyiasat telah mendaftarkan kertas pertuduhan iaitu Kes Tangkap No: JA-83-265-01-2024. Pegawai penyiasat walaupun telah diberitahu pemohon berada di Jakarta dan sedang mendapat rawatan sakit jantung, pegawai penyiasat tidak mengindahkannya dan masih meneruskan niatnya untuk mendaftarkan kes pemohon. Pemohon melantik peguamnya iaitu Hj Rosli Kamaruddin dan hadir ke Mahkamah Majistret pada tarikh tersebut. Peguam pemohon telah menjelaskan ketidakhadiran pemohon untuk dibacakan tiga pertuduhan. Majistret yang mendengar sebutan telah mendengar penjelasan yang diberikan oleh peguam pemohon. TPR yang menyedari ketidakhadiran pemohon secara hemahnya memohon penangguhan bagi membolehkan pemohon hadir. Majistret itu tidak berfikir panjang terus memerintahkan kes pemohon di"DNAA".

[27] Di peringkat ini, mahkamah ini tidak berhasrat untuk memutuskan sama ada Majistret itu bertindak secara kehakiman dan mengikuti prinsip undang-undang semasa memerintahkan kes "DNAA". Isu ini akan diputuskan di forum yang lainnya. Mahkamah ini akan menumpukan kepada isu (i) dan (ii) sahaja yang diketengahkan oleh peguam pemohon dalam permohonan semakan ini.

[28] Peguam pemohon berhujah pegawai penyiasat merasa tidak puas hati apabila kes pemohon di"DNAA" pada 1 Februari 2024. Sebaik kes "DNAA", Insp Gaguri telah mendapatkan arahan TPR untuk menuduh semula pemohon.

[29] Bertitik tolak dari arahan TPR itu, Insp Gaguri telah memfailkan surat permintaan waran atau saman (lampiran (1)) bertarikh 12 Februari 2024. Mahkamah ini berpendapat format waran tangkap ada diperuntukkan di bawah s. 38 KTJ. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukkan s. 38 KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> s. 38 (1) Every warrant of arrest issued by a Court under this Code shall be in writing and signed as provided by the Courts of Judicature Act 1964 [Act 91], or the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], and shall bear the seal of the Court.
>
> (2) Every such warrant shall remain in force until it is cancelled by the Court which issued it or until it is execute.

[30] Mahkamah ini telah meneliti peruntukan KTJ dan Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 1948), tiada peruntukan khusus apabila pihak polis memfailkan surat permintaan waran atau saman. Juga, tidak dinyatakan apakah dokumen-dokumen sokongan yang perlu disertakan. Walaupun begitu, kuasa Majistret untuk menandatangani waran tangkap ada diperuntukan dibawah s. 5 Akta 1948 dan juga item 8, Jadual Ketiga kepada Akta 1948 yang menyatakan seperti berikut:

> **8. Process to compel attendance**
>
> (1) Subject as hereinafter provided, **power to issue process to secure the attendance of any person in court for any purpose, whether by warrant of arrest or summons**, and to require any person to give security for his appearance or to meet any claim or demand, in such manner as may be prescribed by rules of court.

[31] Mahkamah telah meneliti surat permintaan waran atau saman ia merupakan borang yang ditetapkan apabila terdapat catatan (Polis 52) (Pin. 11/81). Merujuk surat bertarikh 20 Ogos 2021 (Rujukan KPN 19/30], yang ditandatangani oleh Dato' Zaini bin Jass, Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia merujuk kepada PTKPN A 105-terdapat pindaan dari POL kepada PDRM. Dalam konteks surat permintaan waran atau saman, Pol. 52 telah dipinda kepada PDRM (S) 52.

[32] Mahkamah ini berpendapat semasa Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah menandatangani surat permintaan waran atau saman (lampiran (1)) pada 12 Februari 2024 tiada peruntukan khusus sama ada di bawah KTJ atau Akta 1948 menetapkan bentuk permohonan dan apakah dokumen-dokumen yang perlu difailkan dalam Case Management System (CMS). Mahkamah ini berkesempatan untuk merujuk Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 2 Tahun 2018, Pengendalian Dokumen Jenayah Secara Elektronik Di Seluruh Mahkamah Di Malaysia (arahan KHN tersebut) bertarikh 24 September 2018 yang berkuat kuasa pada 20 Ogos 2018. Arahan KHN tersebut di perenggan 3 ada menyatakan:

Pemfailan Dan Penghantaran Secara Elektronik

3. Apa-apa dokumen dalam mana-mana prosiding jenayah hendaklah difailkan secara dalam talian dengan menggunakan sistem aplikasi digital bagi mana-mana Mahkamah yang telah menggunakan perkhidmatan pemfailan dan penghantaran dokumen secara elektronik.

[33] Badan Kehakiman mengorak langkah ke dunia IT termasuklah pemfailan dokumen melalui CMS yang boleh dilakukan 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu. Arahan KHN tersebut turut menetapkan kes baru atau permohonan jenayah baru hendak didengar pada hari pemfailan kes atau permohonan tersebut perlulah didaftar pada atau sebelum jam 10 pagi. Jika pendaftaran dibuat selepas jam 10 pagi, kes tersebut akan didengar pada hari berikutnya. Mahkamah masih mempunyai budi bicara untuk mendengar pada hari yang sama.

[34] Berbalik kepada kes semasa, surat permintaan waran atau saman (lampiran 1) telah difailkan dalam CMS pada 12 Februari 2014 jam 12:47:50. Pihak pegawai penyiasat turut memfailkan dokumen-dokumen berikut:

(i) surat permohonan waran tangkap ke atas pemohon (lampiran 2) pada jam 12:47:50;

(ii) borang pengaduan, s. 113 KTJ (lampiran (3)) yang difailkan pada jam 12:47:50;

(iii) arahan menghadiri penyiasatan di bawah s. 111 KTJ (lampiran (4)) yang difailkan pada jam 12:47:50;

(iv) surat jaminan polis (lampiran (5)) pada jam 12:47:50; dan

(v) kertas Pertuduhan JA-265-01-2024 (lampiran (6)) pada jam 12:48:50.

[35] Sebaik semua dokumen yang diperlukan untuk memohon waran tangkap difailkan dalam CMS sebagaimana yang disarankan dalam Arahan KHN tersebut, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah telah menandatangani surat permintaan waran atau saman pada hari yang sama iaitu 12 Februari 2024. Mahkamah ini berpendapat semasa Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah menandatangani lampiran (1), beliau tidak menimbangkan merit permohonan pegawai penyiasat untuk memohon waran tangkap ke atas pemohon. Sebagaimana notis usul atau notis permohonan ianya sekadar "originating process" bagi membolehkan penetapan tarikh pendengaran semata-mata.

[36] Mahkamah ini berpendapat tiada apa-apa kecacatan sebaik lampiran (1) ditandatangani pada 12 Februari 2024. Sebagaimana yang disentuh sebelum ini, permohonan waran tangkap tidak dinyatakan prosedur memohonnya di dalam KTJ atau pun Akta 1948. Walaupun begitu, secara amalan atau pentadbiran pihak agensi yang memohon waran tangkap akan memfailkan dokumen-dokumen di lampiran (1) hingga lampiran (6) untuk pertimbangan Puan Majistret itu.

[37] Berbalik kepada kes pemohon, mengikut nota keterangan dalam CMS, lampiran (1) telah didengar di hadapan Puan Nurzihan binti Abdul Rahman, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah yang bersidang sebagai *ex officio* Majistret Kelas Pertama. Nota keterangan sekadar mencatatkan kehadiran pegawai penyiasat iaitu Insp Gaguri anak Ambau. Pegawai penyiasat sekadar memaklumkan:

IO:

– Pohon Waran Tangkap Dikeluarkan

– Penama Gagal Dikesan

– Dokumentasi Teratur.

[38] Nota keterangan juga tidak menunjukkan sama ada Puan Majistret itu menimbangkan lampiran (1) hingga (6) sebelum membenarkan waran tangkap dikeluarkan terhadap pemohon. Nota keterangan sekadar mencatatkan:

Mahkamah: Permohonan Untuk Mengeluarkan Waran Tangkap Adalah Dibenarkan

[39] Peguam pemohon telah menghujahkan Puan Majistret terkhilaf apabila mengeluarkan waran tangkap pada 15 Februari 2024. Pemohon tidak pernah melanggar syarat-syarat surat jaminan polis, walaupun pegawai penyiasat mendaftarkan kertas pertuduhan pada 31 Januari 2024. Pemohon telah memaklumkan kepada Insp Gaguri tidak dapat menghadirkan diri pada tarikh yang dinyatakan iaitu 1 Februari 2024. Pada ketika itu, pemohon berada di Jakarta dan sedang mendapat rawatan sakit jantung.

[40] Puan Majistret semasa menimbangkan lampiran (1) gagal mengambil kira kes di "DNAA" bukan atas kedegilan atau keengganan pemohon untuk menghadirkan diri ke mahkamah bagi menghadapi tiga pertuduhan bagi Kes Tangkap No: JA-83-265-01-2024. Puan Majistret tidak bertanyakan kepada pegawai penyiasat adakah pihak polis ada menghubungi pemohon bagi membolehkan hadir ke mahkamah untuk menuduh semula pemohon. Setelah melihat nota keterangan, pegawai penyiasat sekadar menyatakan pemohon gagal dikesan. Puan Majistret gagal meminta pegawai penyiasat untuk mengemukakan diari siasatan (ID) bagi mengetahui apakah tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengesan pemohon. Mahkamah ini berpendapat dalam era IT yang serba canggih ini, pegawai penyiasat tiada masalah untuk menghubungi pemohon untuk hadir ke mahkamah bagi menuduh semula selepas kes di"DNAA" pada 1 Februari 2024.

[41] Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret semasa menggunakan budi bicara kehakimannya membenarkan lampiran (1) gagal meneliti keseluruhan fakta kes khasnya alasan-alasan mengapa waran tangkap dipohon. Pegawai penyiasat gagal mengemukakan ID semasa permohonan lampiran (1) difailkan dalam CMS.

[42] Puan Majistret seharusnya lebih berhati-hati sebelum membenarkan permohonan waran tangkap ke atas pemohon. Kesan atau akibat waran tangkap boleh menyekat kebebasan individu yang dijamin di bawah per. 5 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah ini merujuk kes *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631 dimana YA Gopal Sri Ram HMP ada menyentuh per. 5 Perlembagaan Persekutuan dalam konteks perbicaraan jenayah seperti berikut:

> (1) It is a fundamental right guaranteed by art. 5(1) of the FC that a person's life (in its widest sense) or his or her personal liberty (in its widest sense) may not be deprived save in accordance with State action that is fair both in point of procedure and substance. Whether an impugned State action is substantively or procedurally fair must depend on the fact pattern of each case. However, when the principle is applied to a criminal case, what it means is that an accused has a constitutionally guaranteed right to receive a fair trial by an impartial tribunal and to have a just decision on the facts. If there is an infraction of any of these rights, the accused is entitled to an acquittal. (para 18)

[43] Mahkamah ini berpendapat sebarang permohonan waran tangkap perlulah ditimbangkan secara teliti dan cermat oleh Puan Majistret itu.

[44] Mahkamah ini menimbangkan sebaik waran tangkap dikeluarkan pada 15 Februari 2024, pegawai penyiasat telah berjaya menangkap pemohon pada 18 Februari 2024 jam 1 pagi. Keesokan harinya pemohon dihadapkan ke mahkamah bagi menghadapi tiga pertuduhan dalam Kes Tangkap No: JA-83-424-02-2024.

[45] Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret semasa membenarkan lampiran (1) gagal menimbangkan secara kehakiman asas-asas yang munasabah untuk mengeluarkan waran tangkap. Pegawai Penyiasat tanpa mengemukakan ID, telah mengelirukan Puan Majistret apabila memaklumkan pemohon gagal dikesan. Puan Majistret turut gagal menimbangkan surat pegawai penyiasat di lampiran (2), alasan yang diberikan oleh pegawai penyiasat memohon waran tangkap atas alasan "Arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya untuk tuduh semula OKT".

[46] Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam pemohon nampaknya pegawai penyiasat merasa tidak puas hati apabila kes pemohon di "DNAA" pada 1 Februari 2024. Pegawai penyiasat pada 1 Februari 2024 telah mengeluarkan notis di bawah s. 111 KTJ meminta pemohon hadir di IPD JBS pada 14 Februari 2024 jam 8 pagi. Pegawai penyiasat seolah-olah lupa tarikh 14 Februari 2024 mengarahkan pemohon hadir bagi tujuan penyiasatan. Jika dilihat urutan peristiwa yang membawa permohonan ini, pemohon telah dituduh seawal 1 Februari 2024 di mahkamah. Pada ketika ini, sudah semestinya pegawai penyiasat telah melengkapkan siasatan bagi mendapatkan arahan TPR untuk mendakwa pemohon atas tiga kesalahan ss. 342, 427 dan 506 Kanun itu. Mahkamah ini berpendapat tindakan pegawai penyiasat memfailkan lampiran (1) pada 12 Februari 2024

bercanggah dengan notis di bawah s. 111 KTJ. Pegawai penyiasat nampaknya tidak sabar menunggu kedatangan pemohon pada tarikh 14 Februari 2024. Beliau terburu-buru memohon waran tangkap ke atas pemohon.

[47] Mahkamah ini berpeluang melihat minit TPR kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah, Johor Bahru Selatan yang mencatatkan seperti berikut:

> 2. TPR telah dimaklumkan oleh IO kes bahawa OKT akan hadir pada 1/2/24
>
> Namun, pada waktu (tidak dapat dibaca) IO telah dimaklumkan OKT warded di Hospital Indonesia.
>
> 3.TPR telah memohon penangguhan kes namun Mahkamah tidak benarkan permohonan dan Mahkamah telah DNAA kes.
>
> 4. Sila kesan & tuduh semula OKT seperti di minit (13)
>
> T.T. Timbalan Pendakwa Raya
>
> 1.2.2024.

[48] Jika diamati minit TPR, jelas menyatakan "Sila kesan". Pegawai Penyiasat tidak mempedulikan minit TPR. Ternyata tiada usaha-usaha telah dilakukan oleh pegawai penyiasat untuk mengesan pemohon. Beliau menyedari pemohon berada di Jakarta. Pegawai penyiasat gagal mengemukakan ID semasa memfailkan lampiran (1). Tindakannya yang terburu-buru apabila memilih waran tangkap tanpa memberi ruang kepada pemohon hadir sendiri ke balai polis bagi tujuan notis di bawah s. 111 KTJ. Mahkamah ini juga meragui apakah tujuan notis tersebut dikeluarkan sebaik pemohon telah dituduh di mahkamah pada 1 Februari 2024. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan notis dibawah s. 111 KTJ seperti di bawah:

JA-89-362-02/2024 Kand. 4

12/02/2024 12:47:50

ARAHAN MENGHADIRI PENYIASATAN DI BAWAH SEKSYEN 111, KANUN ACARA JENAYAH (CAP.6)

KEPADA **SHAKIB BIN ABU BAKAR BENAFEE , KP : 770221016737**

AMBIL INGATAN BAHAWA ANDA ADALAH DIKEHENDAKI MENGHADIRKAN DIRI ANDA DI DALAM PENYIASATAN POLIS MENGENAI

SEKSYEN : **SEKSYEN 427 KK, SEK 352 KK, SEK 506 KK**

TEMPAT : **PEJABAT BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH, IBU PEJABAT POLIS DAERAH JOHOR BAHRU SELATAN, JOHOR**

TARIKH / MASA : **14.02.2024, JAM 0800 PAGI**

NOMBOR REPORT : **JBS/31296/23**

BERTARIKH : **25/11/2023**

TARIKH : **02/02/2024**

GAGURI ANAK AMBAU (INSP.)
PEGAWAI PENYIASAT,
BSJ JBS,
JOHOR

S/N xtGso63O8UmrlSTjw7ZUg
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[49] Mahkamah ini merujuk kes *Uthayakumar Ponnusamy v. Inspektor Mohamad Fairol Abu Bakar & Anor* [2022] 3 CLJ 859 di mana YA Kamaludin Md Said HMR ada menyentuh tujuan notis di bawah s. 111 KTJ seperti berikut:

> [30] For all intents and purposes, the issuance of notice under s. 111 of the CPC was a procedure laid down in law where a police officer in the course of making an investigation may by order in writing require the attendance of a person before himself or any person to assist with the investigation.

[50] Berbalik kepada kes pemohon, tindakan pegawai penyiasat mengeluarkan notis tersebut bercanggah dengan peruntukan undang-undang. Pegawai penyiasat seolah-olah terlupa minit TPR yang menyatakan "Sila kesan".

[51] Peguam pemohon dalam hujahannya ada menyentuh tugas seorang pegawai penyiasat perlu dilakukan secara berhemah. Beliau merujuk kes *Nik Mohd Suhaimi Ahmad Ghazali v. Siti Fairuz Shamsuri & Ors* [2024] 2 CLJ 591; [2023] MLJU 2821 di mana YA Ahmad Bache H ada memberi pengamatannya tugas agensi penguatkuasa perlu telus semasa menjalankan siasatannya. YA menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [38] The situation above underscores the need for transparency to prevail in all process of investigation by the investigating and enforcement agencies officers and that the rule of law to be strictly observed and that they should not abuse the legal process in discharging their duties. As public servants, they are stewards of public trust and they have to ensure not to erode this trust.

[52] Berbalik kepada kes pemohon, mahkamah ini berpendapat pegawai penyiasat secara terburu-buru apabila memohon waran tangkap seawal 12 Februari 2024. Beliau langsung tidak berusaha untuk menghubungi pemohon atau isteri pemohon bagi memaklumkan tarikh untuk hadir ke mahkamah tanpa perlu memohon waran tangkap. Semasa permohonan lampiran (1) didengar pada 15 Februari 2024 di hadapan Puan Majistret itu, pegawai penyiasat dengan beraninya memberitahu pemohon gagal dikesan. ID langsung tidak difailkan dalam CMS untuk pertimbangan mahkamah.

[53] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini berpendapat semasa Puan Majistret itu mendengar permohonan waran tangkap di lampiran (1), beliau gagal menggunakan budi bicaranya secara kehakiman apabila gagal menimbangkan asas-asas yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat mengapa waran tangkap perlu dikeluarkan ke atas pemohon? Pegawai penyiasat gagal menyediakan ID bagi menunjukkan usaha-usaha untuk menghubungi pemohon sebelum waran tangkap dipohon. Pegawai penyiasat bertindak sedemikian hanyalah atas alasan TPR untuk menuduh semula pemohon selepas kesnya di"DNAA" pada 1 Februari 2024. Mahkamah ini memutuskan waran tangkap bertarikh 15 Februari 2024 tidak sah.

[54] Secara sepintas lalu mahkamah ini akan menyentuh tatacara atau prosedur untuk memohon waran tangkap. Mahkamah ini telah meneliti peruntukan KTJ dan Akta 1948, secara jelasnya sekadar memperuntukkan bidang kuasa Majistret mengeluarkan waran tangkap dan bagaimana cara melaksanakannya. Arahan KHN tersebut sekadar menyatakan pemfailan dokumen dalam CMS namun tidak memperincikan cara permohonan waran tangkap difailkan dan juga apakah dokumen-dokumen yang perlu difailkan bagi menyokong permohonan waran tangkap.

[55] Mahkamah ini perhatikan setakat hari ini permohonan waran tangkap dipohon menggunakan PDRM (S) 52 (dahulunya Pol. 52) dan dokumen-dokumen sokongan sebagaimana yang disentuh di perenggan (34) di atas.

[56] Mahkamah ini berpendapat bagi mengatasi kekaburan ini eloklah di rujuk peruntukan s. 107A Akta 1948 yang berbunyi seperti berikut:

> The Chief Justice may issue such practice directions as may be necessary for the purpose of carrying into effect the provisions of this Act after consulting the President of the Court of Appeal or the Chief Judge.

[57] Sebagai contohnya, bagi tujuan permohonan reman di bawah s. 117 KTJ, Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 11 Tahun 2021 telah pun dikeluarkan oleh YAA Ketua Hakim Negara. Mahkamah ini merujuk mukadimah yang menyatakan:

> PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 107A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], saya, setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengeluarkan Arahan Amalan ini *bagi mengemas kini tatacara dan memastikan keseragaman amalan berhubung dengan pengendalian prosiding Permohonan Reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] ("KTJ") bagi Mahkamah di seluruh Malaysia seperti yang berikut:*
>
> (penekanan ditambah)

[58] Sehubungan itu, perkara yang sama boleh dilakukan berpandukan peruntukan s. 107A Akta 1948 agar arahan amalan dikeluarkan berkaitan permohonan waran tangkap dan memperincikan tatacara dan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Kesimpulan

[59] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini berpendapat waran tangkap yang dikeluarkan pada 15 Februari 2024 tidak sah dan bercanggah dengan prinsip undang-undang. Walaupun begitu, memandangkan waran tangkap telah dilaksanakan ke atas pemohon pada 18 Februari 2024, ia telah menjadi suatu perkara yang akademik.

[60] Mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengeluarkan apa-apa perintah berkaitan permohonan semakan yang dipohon oleh pemohon.